

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD  
KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD  
[ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8273**

**SOALAN:**

**Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan yang telah dirangka oleh Kerajaan untuk menangani masalah *Love Scam*.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) memberi perhatian yang khusus terhadap kes-kes penipuan yang menggunakan modus operandi (MO) *Love Scam* atau Cinta Siber yang mana kebanyakan mangsa-mangsa kes ini terdiri daripada kaum wanita. Antara taktik-taktik yang digunakan oleh sindiket yang kebiasaannya terdiri daripada warganegara Afrika dalam memperdayakan mangsa dalam kes-kes *Love Scam* atau cinta siber melalui laman sesawang sosial seperti *Facebook, Yahoo Messenger, Tagged* dan lain-lain lagi dengan menyamar sebagai lelaki kulit putih yang berasal dari negara-negara Eropah. Beberapa modus operandi yang digunakan suspek memperdayakan mangsa seperti berikut:**

**i) Barangan atau Hadiah tanda persahabatan.**

**Suspek akan berkenalan dengan mangsa melalui laman sosial internet, kemudian maklum kepada mangsa mahu menghantar barangan (*parcel*) mengandungi barangan kemas, jam tangan, bunga, laptop dan wang (Pound/USD) kepada mangsa sebagai tanda persahabatan atau hadiah. Kemudian mangsa akan dihubungi kononya oleh Pegawai Kastam KLIA atau syarikat penghantaran (Kurier)**

memaklumkan barangan yang dihantar oleh suspek kepada mangsa telah ditahan kerana tidak membayar cukai, insurans atau terdapat wang tunai melebihi had yang tidak diistiharkan. Mangsa kemudian diminta untuk membuat pembayaran bagi pelepasan barang tersebut.

**ii) Ditahan di KLIA oleh pihak berkuasa**

Suspek berkenalan dengan mangsa melalui laman sosial internet, kemudian maklum mahu datang ke Malaysia berjumpa dengan mangsa. Suspek maklum telah sampai di Malaysia tetapi telah ditahan oleh pihak berkuasa (Kastam/Imigresen) disebabkan beberapa masalah dan meminta mangsa membantunya dari segi kewangan untuk dibayar kepada pihak berkuasa bagi tujuan melepaskannya dari tahanan.

**iii) Perniagaan mengalami kerugian.**

Suspek berkenalan dengan mangsa melalui laman sosial internet dan memperkenalkan diri sebagai seorang ahli perniagaan. Setelah lama berkenalan suspek memberitahu mangsa bahawa perniagaan beliau mengalami masalah dan meminta bantuan kewangan daripada mangsa.

**Staistik jumlah kes,kerugian dan jumlah tangkapan yang dibuat bagi kes penipuan secara *love scam* atau cinta siber bagi tahun 2013, 2014 dan 2015 ( September) seperti berikut:-**

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH KERUGIAN (RM)</b>
2013	1,095	35,698,450.74
2014	1,015	52,558,901.99
2015 (JAN-SEPT)	1,133	37,814,372.25
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3,243</b>	<b>126,071,724.98</b>

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH TANGKAPAN</b>
2013	497
2014	610
2015 (JAN – SEPT)	301
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,408</b>

**Justeru itu pihak kementerian telah membuat perancangan bagi menangani masalah ini dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang untuk mengesan, menangkap seterusnya mendakwa individu atau sindiket yang merancang atau melakukan jenayah penipuan Cinta Siber ini. Tindakan**

**penguatkuasaan juga diambil terhadap pemilik-pemilik akaun penduduk tempatan atau dipanggil sebagai keldai akaun yang telah memberi pinjam akaun bank mereka kepada penjenayah yang mana ianya telah memudahkan penjenayah melakukan kegiatan jenayah ini.**

**Bagi membendung masalah ini, pihak kerajaan juga menjalankan kempen kesedaran (*Awarness Campaign*) dengan cara memberikan pendidikan dan pembelajaran kepada masyarakat supaya tidak mudah percaya, tidak tamak, sentiasa teliti dan cermat, berfikiran tenang, membuat semakan dan pengesahan sebelum mengambil sesuatu keputusan. Kempen yang dijalankan juga adalah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat supaya tidak menjadi keldai akaun dengan memberikan akaun bank mereka bagi tujuan digunakan oleh penjenayah seterusnya memudahkan penjenayah menjalankan aktiviti penipuan Cinta Siber ini.**

**Adalah menjadi harapan pihak kementerian supaya dengan usaha-usaha yang dilakukan ini akan terus membuka mata dan memberi kesedaran kepada masyarakat agar tidak terus menjadi mangsa jenayah penipuan Cinta Siber atau *Love Scam* ini.**